

Soalan-soalan Lazim (FAQ) Bagi Pengisytiharan Bonus Dana Penyertaan 2023

Soalan Am

1. Apa itu polisi penyertaan?

Polisi penyertaan membolehkan anda berkongsi keuntungan daripada dana penyertaan hayat. Keuntungan dikongsi dengan penambahan bonus kepada polisi-polisi penyertaan tersebut. Pembayaran sebenar bagi bonus ini adalah **tidak dijamin** dan berkemungkinan akan berkurangan (atau bertambah) selaras dengan prestasi pengendalian dan pelaburan dana penyertaan hayat.

2. Apa itu bonus/dividen tunai?

Ini merupakan bonus tidak terjamin yang ditentukan oleh syarikat secara tahunan dan akan dibayar secara tunai kepada anda setiap tahun.

3. Apa itu bonus berbalik?

Ini merupakan bonus tidak terjamin yang diperuntukkan dan ditambah kepada Jumlah yang Diinsuranskan polisi penyertaan, yang berlaku secara tahunan. Setelah diperuntukkan, nilai tersebut dijamin dengan syarat anda terus membayar premium seperti yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

Bagaimanapun, jika anda memilih untuk menyerahkan polisi anda, anda berkemungkinan tidak akan menerima jumlah keseluruhan bonus yang diperuntukkan. Jumlah bonus yang dibayar berkemungkinan jauh lebih rendah berbanding jumlah berbayar jika anda memastikan polisi anda berkuatkuasa sehingga tempoh matang atau berlaku kematian (yang mana terdahulu).

4. Apa itu bonus/dividen pengakhir?

Ini merupakan bonus tidak terjamin yang berkemungkinan dibayar apabila polisi anda ditamatkan – sekiranya berlaku kematian, mencapai tempoh matang atau jika anda memilih untuk menyerahkan polisi anda. Bonus pengakhir kebiasaannya direka untuk memberi pemilik polisi pembahagian keuntungan yang saksama daripada dana penyertaan hayat yang berkenaan.

5. Adakah bonus dan dividen dijamin?

Setelah diumumkan, bonus dan dividen adalah dijamin dan akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau setelah mencapai tempoh matang polisi. Bagaimanapun, jika anda memiliki polisi dengan bonus berbalik, anda berkemungkinan tidak akan menerima jumlah keseluruhan bonus yang diperuntukkan apabila berlaku penyerahan polisi. Jumlah bonus yang dibayar berkemungkinan jauh lebih rendah berbanding dengan jumlah dibayar jika anda menyimpan polisi sehingga tempoh matang, atau berlaku kematian (yang mana terdahulu). Bonus dan dividen akan datang adalah berdasarkan jangkaan dan tidak dijamin. Bonus dan kadar faedah sebenar yang diumumkan pada masa akan datang berkemungkinan lebih tinggi atau lebih rendah, bergantung kepada keadaan pelaburan dan ekonomi dan juga prestasi kendalian syarikat.

6. Mengapakah kadar dividen/bonus/faedah dalam polisi saya tidak dijamin?

Bonus akan datang daripada kesemua syarikat insurans hayat, termasuk Zurich Life Insurance adalah tidak dijamin. Ini adalah kerana kadar dividen/bonus/faedah adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan berdasarkan prestasi kendalian dan pelaburan syarikat. Bagaimanapun, apabila bonus telah diisytiharkan, ianya adalah terjamin dan tidak boleh ditarik balik. Seperti yang anda sedia maklum, sebuah bank kebiasaannya akan mengkreditkan kadar faedah sebanyak 7% hingga 9% setiap tahun untuk penempatan deposit tetap bagi tempoh 12 bulan semasa pertengahan tahun 90-an. Bagaimanapun, pelaburan deposit tetap bagi tempoh 12 bulan yang sama pada masa kini akan memberi anda pulangan sebanyak 2% hingga 3% setiap tahun.

7. Bagaimanakah bonus diumumkan?

Bonus yang tidak dijamin, ditentukan oleh syarikat berdasarkan prestasi sebenar kendalian dan pelaburan dana penyertaan hayat tersebut. Sebagai contoh, jika pelaburan dan kendalian dana tersebut (iaitu perbelanjaan dan tuntutan yang dihadapi) telah mencapai prestasi baik sepanjang tahun lalu, syarikat dibenarkan memperuntukkan bonus yang lebih tinggi. Jika pelaburan atau prestasi kendalian adalah kurang baik, syarikat dibenarkan memperuntukkan bonus yang lebih rendah, atau mungkin tidak dapat memperuntukkan bonus sama sekali.

8. Mengapakah bonus/dividen tidak meningkat/menurun sejak 5 tahun yang lalu?

Bonus yang telah dibayar adalah 'diratakan'. Ini bermaksud, pada tahun-tahun dimana syarikat telah menghadapi prestasi kendalian dan pelaburan yang baik, sebahagian daripada keuntungan yang diperoleh berkemungkinan disimpan dan digunakan untuk menambah nilai bonus pada tahun-tahun kurang memberangsangkan. Ini merupakan ciri yang unik bagi polisi penyertaan terbabit. Syarikat akan berusaha untuk mengimbangi pembayaran kepada pemilik polisi walaupun prestasi tahunan kurang baik. Bagaimanapun, 'keserataan' tidak memberi perlindungan lengkap terhadap prestasi yang kurang baik. Jika prestasi ini berterusan selama beberapa tahun, syarikat berkemungkinan perlu mengurangkan jumlah bonus mengikut prestasi syarikat dan memastikan dana tersebut kekal solven.

Pengisytiharan Bonus Tahun 2023

9. Saya baru-baru ini menerima penyata bonus daripada syarikat anda. Boleh saya dapatkan penerangan lanjut? Apakah tujuan surat ini?

Sebagai pemilik polisi kami yang dihargai, kami ingin memberitahu anda tentang status dan nilai semasa dividen tunai/bonus berbalik yang diperuntukkan dan terkumpul dalam polisi anda bagi tahun 2023, jumlah semasa yang akan anda terima jika berlaku penyerahan polisi dan juga maklumat polisi dan status penama. Bagi polisi dimana bonus masa depan akan dikurangkan; kami telah menyatakan tentang ini di dalam nota kaki Jadual 2 dan Jadual 3.

10. Mengapakah baki dividen tunai 'Tahun Dahulu' di dalam penyata tahun 2020 adalah berbeza dengan jumlah baki dividen tunai di dalam penyata tahun 2019?

Di dalam penyata tahun 2019 dan tahun sebelum itu, kami menunjukkan kepada anda jumlah dividen tunai yang diisytiharkan bagi polisi anda. Penyata itu bagaimanapun adalah tidak termasuk potongan bagi pengeluaran dividen tunai atau bayaran premium. Mulai dari penyata tahun 2020, kita akan menunjukkan jumlah baki dividen tunai yang didepositkan dengan kami yang selepas potongan bagi pengeluaran dividen tunai atau bayaran premium bagi mengukuhkan kejelasan dan ketelusan maklumat yang diberikan kepada anda.

Jika anda telah membuat bayaran premium dengan baki dividend atau mengeluarkan dividend tunai, baki dividend tunai 'Jumlah Terkumpul Tahun Dahulu' yang ditunjukkan dalam Bahagian 1 penyata tahun 2020 akan lebih rendah daripada baki 'Jumlah' tahun berakhir yang ditunjukkan dalam Bahagian 1 penyata tahun 2019. Ini kerana jumlah yang digunakan untuk membayar premium atau pengeluaran dividend tunai telah ditolak daripada baki.

Contoh:

Jumlah dividen tunai yang diisytiharkan sehingga 2019 = 10,000

Dividen tunai digunakan pada masa lalu untuk pembayaran premium = 1,000

Jumlah Terkumpul Tahun Dahulu = 9,000

Penyata tahun 2019

Bahagian 1 - Butir-butir Bonus Berbalik/Dividen Tunai / Part 1 - Reversionary Bonus/Cash Dividend Details

Nombor Polisi <i>Policy Number</i>	Tarikh Permulaan <i>Inception Date</i>	Status Polisi <i>Policy Status</i>	Jumlah Muka <i>Face Amount (RM)</i>
Tahun Berakhir <i>Year Ended</i>	*Bonus Berbalik/Dividen Tunai <i>Reversionary Bonus/Cash Dividend (RM)</i>		
	* Dahulu/Previous <i>(RM)</i>	* Semasa/Current <i>(RM)</i>	Jumlah/Total <i>(RM)</i>
2019			CD 10,000

Bahagian 1 - Butir-butir Bonus Berbalik/Dividen Tunai / Part 1 - Reversionary Bonus/Cash Dividend Details

Nombor Polisi <i>Policy Number</i>	Tarikh Permulaan <i>Inception Date</i>	Status Polisi <i>Policy Status</i>	Jumlah Muka <i>Face Amount (RM)</i>
*Bonus Berbalik/Dividen Tunai Reversionary Bonus/Cash Dividend (RM)			
* Jumlah Berkumpul Tahun Dahulu/ <i>Previous Year Balance (RM)</i>	* Semasa/ <i>Current (RM)</i>	Potongan Semasa/ <i>Current Deduction (RM)</i>	Jumlah Berkumpul Tahun Semasa/ <i>Current Year Balance (RM)</i>
A	B	C	D = A + B - C
CD 9,000			

'Jumlah Berkumpul Tahun Dahulu' dalam penyata tahun 2020 ini adalah lebih rendah kerana potongan 1,000 digunakan untuk pembayaran premium.

11. Tidak bolehkah Zurich mengekalkan kadar bonus semasa dan bukan mengurangkannya?

Kami mampu mengekalkan kadar bonus bagi tahun kewangan 2023 seperti yang dimaklumkan pada tahun lepas. Bagi pelan yang terjejas oleh semakan bonus, kadar bonus yang dimaklumkan di dalam penyata tahun lepas akan bermula daripada bonus tahun kewangan 2023. Bonus bagi sesetengah pelan dana penyertaan perlu dikurangkan mulai tahun kewangan 2023 disebabkan oleh kemerosotan berterusan dalam pasaran dan prospek pelaburan. Mengekalkan kadar bonus semasa tidak mampu ditampung oleh prestasi kewangan semasa dana dan berkemungkinan akan memberi kesan negatif kepada pemilik polisi penyertaan pada masa akan datang. Ini bermaksud jika syarikat membayar bonus pada kadar semasa secara berterusan, dana tersebut berkemungkinan menjadi tidak solven dan tidak mencukupi bagi pemegang polisi sedia ada. Menjadi tanggungjawab kami untuk membayar kadar bonus yang mampan sambil mengekalkan dana penyertaan hayat yang sihat. Begitu juga, jika prestasi dan prospek pasaran pelaburan bertambah baik pada masa akan datang, kadar bonus akan dinaikkan sewajarnya kerana Zurich Life Insurance tetap komited dalam menguruskan wang yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dan saksama pada setiap masa.

12. Kami adalah pemilik polisi yang setia yang telah membayar premium secara konsisten dan berterusan selama 10 hingga 20 tahun tanpa mengambil kira prospek ekonomi. Mengapakah kami dikenakan semakan kadar bonus?

Dengan dukacitanya, terdapat dua sebab mengapa Zurich Life Insurance perlu mengambil tindakan ini yang akan mengukuhkan kesolvenan dana penyertaan hayat tersebut.

- Prestasi aset dan pelaburan terdahulu tidak mencukupi untuk menampung bonus yang akan dibayar.
- Prospek pelaburan dari segi pulangan dana yang dijangka pada masa akan datang telah merosot.

Untuk pengetahuan anda, semakan kadar bonus ini adalah sejajar dengan praktis pasaran. Kadar bonus yang dibayar disemak dari masa ke masa mengikut pulangan sebenar pelaburan.

13. Adakah kesemua polisi dibawah Zurich Life Insurance terjejas akibat semakan bonus ini?

Daripada 34 pelan penyertaan, 10 pelan penyertaan terlibat dengan semakan bonus. Baki 24 pelan penyertaan dan tanpa penyertaan tidak terjejas oleh semakan ini.

Pelan penyertaan yang terlibat adalah:

- Executive Elite
- Pioneer 2000
- Pioneer 3000
- Financial Deferred Par
- Smart Life 20
- Executive Special
- New Executive Special
- Executive 2000
- Executive Master
- Whole Life Compound Reversionary Bonus

14. Saya telah menerima surat ini hampir setiap tahun. Adakah Zurich Life Insurance secara tidak langsung menyuruh saya menamatkan/menyerahkan polisi saya?

Kami ingin menasihati anda mendapatkan nasihat daripada ejen perkhidmatan anda sebelum membuat keputusan yang besar tentang polisi anda. Jika anda tiada lagi ada ejen perkhidmatan dari Zurich dan inginkan bantuan untuk menghubungkan anda dengan ejen perkhidmatan baru, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622. Pegawai perkhidmatan pelanggan kami akan membantu anda dengan prosedur permohonan ejen perkhidmatan baru.

15. Sebelum ini, semakan bonus telah pun berlaku tetapi saya tidak menerima sebarang surat daripada syarikat anda yang memaklumkan saya tentang semakan semula bonus tempoh matang. Apakah sebabnya?

Sebelum ini, pemakluman pemilik polisi tidak dipraktikkan oleh industri apabila berlaku perubahan kepada pembayaran setelah capai tempoh matang polisi. Sebagai pemilik polisi, anda mempunyai pilihan untuk merujuk kepada ejen perkhidmatan anda atau lawati cawangan Zurich terdekat untuk mendapatkan penjelasan lanjut atau maklumat tentang polisi anda. Pegawai perkhidmatan pelanggan kami sedia membantu anda. Anda juga boleh hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622.

16. Adakah semakan bonus ini mempengaruhi faedah polisi saya?

Semakan bonus ini mempengaruhi kadar bonus/dividen diisytiharkan bagi tahun kewangan 2023 serta bonus/dividen pengakhiran mulai tahun 2024. Semua faedah yang terjamin di dalam polisi anda seperti Jumlah Asas yang Diinsuranskan dan bonus/dividen yang diperuntukkan terdahulu tidak terjejas oleh semakan bonus ini. Harap maklum bahawa bonus/dividen akan datang adalah tidak terjamin dan berkemungkinan lebih tinggi/rendah daripada skala semasa yang dikenakan bergantung kepada prestasi kendalian dan pelaburan dana penyertaan hayat tersebut.

17. Berapa banyakkah bonus polisi saya yang terjejas?

Penyata bonus akan dikeluarkan kepada pemilik polisi pada akhir bulan Ogos 2024 melalui portal pelanggan MyZurichLife kami di (<https://myzurichlife.com.my>). Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622.

18. Syarikat insurans lain berkemampuan untuk membayar bonus tempoh matang seperti yang dijangkakan sebelum ini dan tidak mengurangkannya secara drastik. Mengapakah Zurich tidak mengikut langkah mereka?

Prinsip kami adalah untuk tidak mengulas tentang tindakan yang diambil oleh syarikat pesaing. Syarikat tersebut mungkin menggunakan strategi dan pendekatan yang berbeza ke atas semakan bonus. Bagi kepentingan pelanggan kami yang dihargai, kami membuat keputusan untuk menggunakan pendekatan secara berperingkat untuk mengkaji dan memperbaiki kadar bonus tempoh matang dan bonus pengakhir berdasarkan pencapaian pelaburan terdahulu dan prospek pelaburan pada masa akan datang setiap tahun berbanding menggunakan pendekatan drastik di mana bonus tempoh matang dan bonus pengakhir dikurangkan sekaligus. Zurich Life Insurance akan terus menguruskan perniagaannya secara berhemat untuk jangka masa panjang bagi memastikan tanggungjawab kami kepada pemegang polisi dapat dipenuhi pada masa akan datang.

19. Saya tidak berpuas hati dengan pengisytiharan bonus bagi polisi saya. Apakah pilihan yang saya ada sekarang?

Kami tidak sarankan anda untuk menyerahkan polisi anda. Ini adalah beberapa pilihan yang anda ada:

- 1) Anda boleh teruskan membuat bayaran premium yang mana akan menyebabkan peningkatan dalam nilai polisi anda, dan akan memberi anda akses kepada pulangan yang lebih tinggi dalam jangka masa panjang.
- 2) Anda boleh memastikan polisi ini berkuatkuasa dengan mengurangkan Jumlah yang Diinsuranskan yang akan mengurangkan kadar premium.
- 3) Tukarkan polisi anda kepada polisi berbayar berkurangan.
- 4) Tukarkan polisi anda kepada Insurans Sementara Lanjutan (Extended Term Insurance).
- 5) Jika Orang yang Diinsuranskan adalah bawah umur, anda boleh memilih untuk menukarkan pemilikan polisi kepada Orang yang Diinsuranskan apabila beliau mula bekerja. Pemilik polisi yang baharu (pemohon) boleh meneruskan pembayaran premium.
- 6) Bagi mendapatkan tunai semasa kecemasan (seperti tabung pendidikan kanak-kanak), anda boleh memohon untuk pinjaman polisi / permohonan pengeluaran secara separa atau sepenuhnya bonus/dividen yang diperuntukkan sedia ada. Ejen perkhidmatan anda boleh menasihati anda tentang pilihan yang sesuai untuk pertimbangan anda dan menyediakan penyelesaian yang terbaik bagi situasi anda. Jika anda tidak mempunyai ejen perkhidmatan pada masa ini, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622.

20. Jika saya berhenti membuat bayaran premium saya sekarang, apakah tempoh kuatkuasa polisi saya?

Polisi anda akan terus dibiayai oleh bonus/dividen/nilai wang tunai yang terkumpul. Bagaimanapun, kadar bonus akan datang adalah tidak dijamin dan tertakluk kepada pencapaian kendalian dan pelaburan yang terdahulu dan juga prospek pelaburan pada masa akan datang. Oleh itu, kami tidak boleh membuat ramalan atau mengesahkan tempoh kuatkuasa polisi anda atau jangka bila polisi anda akan mencapai peringkat di mana dana tidak mencukupi. Sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622 dan pegawai perkhidmatan pelanggan sedia menasihati anda tentang pilihan yang ada.

21. Bagaimanakah semakan bonus ini akan mempengaruhi polisi yang mengandungi pilihan Tahun Kritikal saya?

Tahun Kritikal adalah tidak dijamin dan bergantung kepada nilai bonus/dividen/tunai terkumpul yang diisytiharkan kepada polisi anda. Akibat semakan bonus ini, nilai bonus/dividen/tunai terkumpul mungkin tidak mencukupi untuk menampung polisi anda sehingga tempoh tamat polisi. Anda mungkin perlu melanjutkan bayaran premium selepas Tahun Kritikal seperti yang dinyatakan ketika polisi berkuatkuasa. Sekiranya anda berhenti membayar premium, anda mungkin perlu menyambung bayaran premium untuk mengelakkan polisi anda daripada luput. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Pilihan Tahun Kritikal anda dan bagaimana polisi anda terjejas oleh pelaksanaan semakan bonus, sila hubungi kami di 1-300-888-622.

Prospek Masa Depan

22. Bagaimanakah untuk kami kekalkan keyakinan dalam produk anda kini dan pada masa akan datang?

Zurich Life Insurance mengamalkan strategi pengurusan risiko dan pelaburan yang berhemat untuk memberikan pulangan mampan kepada pemilik polisi bagi jangka masa panjang. Kami kekal sebagai sebuah syarikat yang berkewangan kukuh dan komited sepenuhnya untuk memenuhi tanggungjawab kepada pelanggan kami. Kami berusaha untuk menyediakan produk dan servis yang terbaik. Produk dan servis yang ditawarkan oleh kami dicipta untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang sentiasa berkembang.

23. Apakah langkah-langkah atau strategi yang diambil oleh Zurich Life Insurance untuk memastikan pengisytiharan bonus adalah munasabah pada masa akan datang?

Polisi yang anda beli membolehkan anda berkongsi keuntungan daripada dana penyertaan hayat (jika ada), dan ini adalah

tidak dijamin. Perkongsian keuntungan adalah daripada penambahan bonus kepada polisi-polisi tersebut. Seperti yang anda sedia maklum, keuntungan ini tidak menentu dari tahun ke tahun dan bergantung kepada prestasi pelaburan dan kendalian dana penyertaan hayat tersebut. Maka, pembayaran sebenar bonus ini tidak boleh dijamin dan berkemungkinan akan menurun (atau meningkat) mengikut prestasi kendalian sebenar. Matlamat kami adalah untuk mengekalkan kesolvenan dana penyertaan hayat yang telah menghadapi kemerosotan dalam tahun-tahun terdahulu disebabkan oleh kemelesetan secara berterusan dalam pasaran pelaburan dan juga kemerosotan prospek pelaburan. Ianya perlu untuk memastikan kemampunan dana penyertaan hayat dan pengagihan keuntungan yang saksama kepada semua pemilik polisi untuk jangka masa panjang. Kami ingin menegaskan bahawa sebarang bonus yang telah diperuntukkan terdahulu adalah dijamin sepenuhnya dan tidak akan terjejas oleh semakan bonus ini. Zurich Life Insurance tetap kekal sebagai sebuah syarikat yang berkewangan kukuh dan kami komited sepenuhnya untuk memenuhi tanggungjawab kami kepada pelanggan kami.

24. Adakah prospek pada masa akan datang bagi dana penyertaan hayat akan bertambah baik? Jika ya, bolehkah kami mengharapkan pulangan dan peruntukan bonus yang lebih baik pada masa akan datang?

Secara umumnya, seperti simpanan individu, syarikat insurans secara global akan terkesan oleh persekitaran pasaran saham yang mencabar dan turun naik, yang boleh mengakibatkan pulangan rendah atas aset. Untuk memastikan bahawa Zurich Life Insurance akan terus berkhidmat kepada pelanggan untuk jangka masa panjang, kami mengekalkan disiplin kewangan dengan tegas serta mengamalkan strategi pengurusan risiko secara berhemat dan pelaburan yang pelbagai. Kadar bonus pada masa akan datang adalah tidak dijamin dan akan tertakluk kepada semakan tahunan berdasarkan pencapaian kendalian dan pelaburan terdahulu dan juga prospek pelaburan pada masa akan datang.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

Registration No. 196801000442 (8029-A)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622